UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHG 343 - Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

2. Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

3. Jawab soalan no. 1 (SOALAN WAJIB) daripada Bahagian A dan mana-mana TIGA soalan daripada Bahagian B. Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Pilih dan jawab secara ringkas LIMA soalan berikut:

(a) Apakah perhubungan antara Geografi Perdagangan dengan Geografi Ekonomi?

(8 markah)

(b) Apakah kategori-kategori yang digunakan untuk membahagikan bahan-bahan sumber?

(8 markah)

(c) Apakah strategi dan tindakan yang harus diambil dalam mengatasi masalah penggunaan sumber?

(8 markah)

(d) Apakah yang dimaksudkan dengan 'persamaan indeks' oleh Weber?

(8 markah)

(e) Apakah yang dimaksudkan dengan 'pengkhususan fungsi'?

(8 markah)

(f) Apakah ciri-ciri pengangkutan di zaman penjajahan di Malaysia?

(8 markah)

(g) Apakah perbezaan antara 'pembangunan ekonomi' dengan 'pertumbuhan ekonomi'?

(8 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab TIGA soalan daripada Bahagian ini.

2. Bincangkan kepentingan Geografi Ekonomi yang sebahagian besarnya mengkaji idea-idea tentang lokasi, aktiviti ekonomi, organisasi reruang dan pertumbuhan sistem-sistem ekonomi. Gunakan contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)

3. Sejauh manakah longgokan berbagai jenis bahan asli di perut bumi dijadikan bahan pembekal sumber yang penting kepada kemajuan pembangunan ekonomi sesebuah negara? Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh tertentu.

(20 markah)

4. Kepadatan struktur rangkaian pengangkutan mencerminkan tahap kemajuan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Bincangkan dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu.

(20 markah)

5. Sejauh manakah strategi dan tindakan-tindakan oleh pihak-pihak tertentu di bawah Dasar Rancangan Pembangunan Wilayah mempengaruhi ekonomi ruangan di Malaysia?

(20 markah)

oooOooo